



## Cabaran Abang Bomba

Laksanakan misi sukar mencari, menyelamatkan di dalam gaung

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

Koordinasi pelbagai agensi kerajaan amat diperlukan ketika operasi mencari dan menyelamatkan (SAR), terutama membabitkan nahas jalan raya di kawasan terpencil dan tidak ada liputan komunikasi.

Malah, kerja penyelamatan menjadi lebih sukar jika ia berlaku di kawasan berbukit dan kenderaan yang terbabit kemalangan itu terhumban ke dalam gaung.

Tanpa koordinasi, tugas menyelamatkan mangsa kemalangan akan menjadi sukar, apatah lagi jika mangsa

yang cedera perlu dinaikkan ke atas tebing untuk rawatan kecemasan sebelum dihantar ke hospital.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu, Mohamad Shoki Hamzah, berkata JBPM selalu menghadapi cabaran besar apabila tidak mendapat maklumat tepat seperti jumlah mangsa, tahap kecederaan mereka dan bentuk muka bumi di lokasi kejadian.

Katanya, apabila pegawai dan anggota JBPM dikerah melaksanakan misi SAR, ia bukan satu tugas mudah dan boleh dipandang ringan. "Kebiasaannya, JBPM

hanya menerima panggilan kecemasan mengenai kemalangan jalan raya, namun tidak mendapat maklumat yang jelas.

"Pegawai dan anggota JBPM yang pertama tiba di tempat kejadian akan menilai lokasi kejadian terlebih dahulu sebelum bertindak.

"Dalam situasi kemalangan kenderaan terhumban di dalam gaung, tali akan diikat pada tayar jentera sebelum menuruni curam bagi mengesan kedudukan dan mendapatkan maklumat sebenar nahas," katanya.

Mohamad Shoki berkata, hasil maklumat yang diperoleh, pegawai komander di

lokasi akan meminta bantuan tambahan untuk kerja penyelamatan.

Mengambil kira keadaan itu, JBPM Terengganu mengadakan Latihan Pengurusan Bencana (D'MEX) di Kilometer 185, Jalan Kuala Berang-Aring, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Ia membabitkan insiden kemalangan sebuah lori tangki dan dua kereta sebagai gambaran sebenar kejadian bakal dilalui semua anggota pasukan penyelamat.

Latihan disertai seramai 160 pegawai dan anggota JBPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan

### Info

Latihan Pengurusan Bencana (D'MEX)

- Latihan menyelamat membabitkan insiden kemalangan lori tangki dan dua kenderaan.
- Diadakan di Kilometer 185, Jalan Kuala Berang-Aring, Hulu Terengganu.
- Membabitkan 160 anggota dan pegawai.
- Agensi yang terbabit ialah JBPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Kesihatan negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pasukan Bomba Sukarela Felda Bukit Banding dan Syarikat Pengangkutan Petroleum dan Prifaria Sdn Bhd.



**Kebiasaannya, JBPM hanya menerima panggilan kecemasan mengenai kemalangan jalan raya, namun tidak mendapat maklumat yang jelas"**

Mohamad Shoki Hamzah,  
Pengarah JBPM Terengganu